

INSTITUSI PENDIDIKAN



OBJEKTIF

- Membincangkan definisi pendidikan dari perspektif bahasa dan para sarjana.
- Memfokuskan perbincangan kepada aspek penting dalam Pendidikan Islam yang merangkumi falsafah, tujuan dan matlamat, sumber dan asas, di samping sistem dan metodologi yang terdapat dalam Pendidikan Islam.

Pengertian Pendidikan

- Pendidikan dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan “ *tarbiyah* ” (kata dasarnya membawa erti tumbuh, berkembang, memelihara, mentadbir, meminjam, dan memperbaiki).
- “ *Tarbiyah* ” bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang selaras dengan dasar yang digariskan oleh sesuatu falsafah agar individu tersebut dapat menunjukkan keperibadian yang tinggi dalam setiap perilaku.

SAMA TAPI TAK SERUPA

1/ "ta'lim"

- Iaitu proses pengajaran/pemindahan ilmu kepada manusia untuk merealisasikan fungsi, tugas dan statusnya sebagai khalifah Allah di bumi.

2/ "irsyad" & "tadris"

- *Irsyad* bererti petunjuk yang sebenar ke jalan yang lurus bagi kehidupan di dunia mengikut garis panduan al-Quran dan as-Sunnah.
- *Tadris* bermaksud pengajaran sesuatu mata pelajaran oleh seseorang kepada penuntutnya.

RUMUSANNYA

- Pendidikan ialah proses yang berterusan untuk membentuk manusia yang berfikiran tidak sempurna menjadi lebih sempurna dan matang yang mana mereka dapat menghayati serta memelihara nilai hidup yang baik.

Falsafah Pendidikan Islam

- ❑ Kepentingan falsafah pendidikan: sebagai unsur utama dalam pendidikan kerana sikap manusia yang ingin dilahirkan dalam sistem pendidikan adalah bergantung kepada falsafah yang disalurkan melalui proses pendidikan.
- ❑ Falsafah Pendidikan Islam berusaha melahirkan individu yang beriman & beramal soleh, mempunyai keseimbangan dari segi material & rohani, bersifat dengan sifat-sifat kemanusiaan yang tinggi seperti takwa, ikhlas, amanah, istiqamah dan lain-lain.



FALSAFAH UTM

- With its focus on excellence in science, technology, and engineering, UTM's main objective is to produce technocrats who are competent and responsible to the Creator and the community.
- The University's motto, "By the name of God for Mankind" signifies UTM's principles and philosophy, as depicted in its logo.

KRITERIA FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

- 1. Sesuai dengan roh, akidah dan syariat Islam.**
- 2. Berkait rapat dengan aktiviti masyarakat dalam hubungannya dengan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik.**
- 3. Pembinaan didasarkan kepada aspek kehidupan manusia yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman kemanusiaan.**
- 4. Bersifat syumul yang didasarkan kepada faktor sosial, budaya, spiritual, ekonomi, politik dan sebagainya.**

KRITERIA FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

5. **Bersifat memilih agar sesuai dengan roh Islam.**
6. **Bebas daripada percanggahan dan pertentangan antara prinsip dan pelaksanaan amalnya.**
7. **Didasarkan kepada contoh-contoh yang jelas.**
8. **Bersifat dinamik, berkembang, sesuai dengan perkembangan penyelidikan dalam pelbagai pendidikan.**



Konsep-Konsep Yang Diberi Penekanan dalam Falsafah Pendidikan Islam

1. Pendidikan seumur hidup (life-long learning)
2. Pembangunan seluruh potensi roh, akal dan jasad secara bersepadu (holistic education)
3. Menyampaikan fungsi sebagai hamba Allah (*ubudiyyah*) dan khalifah di bumi
4. Memakmurkan alam
5. Kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu, dan amal
6. Kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

KONSEP FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM:

- Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad dimulai dengan perintah yang mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan pendidikan.
- Pendidikan dikira sebagai satu ibadah hingga taraf orang berilmu diangkat beberapa darjat oleh Allah berbanding yang lain.
- Konsep pendidikan yang luas dan bersepadu merupakan keistimewaan pendidikan dalam Islam. Konsep ini dibina daripada prinsip-prinsip asas dalam pendidikan Islam yang mengandungi prinsip MENGENAL TUHAN, MENGENAL ALAM dan MENGENAL DIRI. Melalui pemahaman prinsip-prinsip ini, aktiviti pengajaran dan pendidikan dapat dijalankan secara bersepadu.

Perbezaan Pendidikan Islam dengan Konsep Pendidikan Barat/Sekularisme:

- (Dualisme)-Memisahkan ilmu kepada dua bahagian, iaitu teologi dan sains.
- Menumpukan kepada aspek akal (rasional) dan jasad (fizikal) semata-mata.

Tujuan & Matlamat Pendidikan Islam

- Tujuan asas adalah untuk membentuk akhlak yang mulia dan terpuji.
- Matlamat pendidikan Islam selaras dengan tujuan hidup manusia, iaitu memastikan pengabdian (*ubudiyah*) yang tulen hanya kepada Allah S.W.T.
- Umumnya, **matlamat terakhir** pendidikan Islam ialah:
untuk melengkapkan setiap individu dengan pengetahuan Islam agar dapat hidup sebagai seorang yang beriman, berakhlak, berpengetahuan dan beramal soleh, seterusnya pengetahuan itu juga dapat menyedarkan manusia tentang tugas utamanya sebagai khalifah dan hamba Allah.



Sumber & Asas Pendidikan Islam

BERSUMBERKAN AL-QURAN & AL-SUNNAH

1) Asas Akidah (Kepercayaan)

- Akidah yang menyemaikan kepercayaan dan keyakinan kepada kewujudan Allah S.W.T.

2) Asas Ibadat (Pengabdian Diri)

- Pengabdian ini berlaku dalam konteks menjalankan tugas dan amanah Allah selaku khalifah di bumi.

3) Asas Tasyri' (Perundangan)

- Islam telah mengatur peraturan dan undang-undang kepada manusia dalam mewujudkan hubungan sesama manusia di dunia. Islam juga telah menetapkan hukuman dan balasan terhadap mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan tersebut.

4) Asas Akhlak (Nilai Murni)

- Akhlak merupakan asas utama kepada pendidikan Islam yang bermatlamat melahirkan insan yang memiliki sahsiah mulia.

Metod Pengajaran & Pembelajaran Nabi S.a.W


- Sukatan pelajaran yang disampaikan dalam pengajaran Nabi adalah berdasarkan wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui Al-Quran dan seterusnya disusuli dengan al-Hadis.
- Al-Quran menjelaskan dalam (al-Najm: 3-4):
“dan ia tidak memperkatakan (berhubung hal Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau al-Hadis) tidaklah melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya”
- Dengan itu, pendidikan Nabi Muhammad dipandu oleh Allah dan dilaksanakan dalam bentuk pendidikan al-Quran.



ANTARA STRATEGI PENGAJARAN NABI s.a.w

- Mewujudkan pusat-pusat pendidikan bermula di rumah Al-Arqam bin Abi Arqam
- Menyampaikan pengajaran di tempat-tempat terbuka
- Menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan
- Pengajaran secara berperingkat.

- **Pengajaran mulanya dilakukan secara bersembunyi dan diikuti dengan terang-terangan**
- **Memulakan pengajaran kepada kaum keluarga terdekat sebelum memulakan kepada umum**
- **Mencari tempat pembelajaran yang sesuai yang mana setelah tiga belas tahun menyampaikan ajaran di Makkah Nabi berpindah ke tempat yang lebih strategik, iaitu Madinah.**



Kaedah Pengajaran Dalam Islam

1) Kaedah Hafazan

- Kaedah asas yang melibatkan ingatan secara langsung. Ia memerlukan kesungguhan dan ketekunan bagi mengingat apa yang dipelajari sama ada melalui lisan atau tulisan.

2) Kaedah Kuliah/Syarah

- Kaedah yang paling popular. Ia memperlihatkan lebih banyak penglibatan guru dengan memberi huraian, penjelasan dan syarahan. Pelajar boleh terlibat dengan mengemukakan soalan dan pandangan dalam sesi perbincangan khususnya di akhir sesi kuliah.

3) Kaedah Dialog

- Telah diperkenalkan oleh Al-Quran sehingga menjadi satu kaedah tradisi pembelajaran dalam Islam. Selalu dipraktikkan oleh Rasulullah contohnya dialog antara Nabi dengan Jibril mengenai persoalan Islam, iman, dan ihsan.

Kaedah Pengajaran Dalam Islam

4) Kaedah Soal Jawab

- Kaedah ini digunakan untuk merangsang pemikiran semasa sesi pengajaran sedang berlangsung atau di akhir pengajaran dengan menggunakan beberapa strategi tertentu.

5) Kaedah Perdebatan

-Dapat melatih seseorang dalam mengemukakan hujah dan mengeluarkan idea/pendapat dalam menegakkan sesuatu kenyataan. Ia banyak bergantung kepada kefasihan bercakap dan kecerdasan otak dalam mencapai fakta konkrit dan logik dalam mematahkan hujah lawan.

6) Kaedah Pandang Dengar

- Kaedah ini telah dilalui sendiri oleh Rasulullah ketika mana baginda dibawa berjalan dari Kota Makkah ke Baitul Maqdis pada malam Isra' dan Mi'raj.



7) Kaedah Perbincangan


- Kaedah yang lazim digunakan dalam penyampaian ilmu bagi menggalakkan pertukaran idea secara bebas dan tidak terikat.

8) Kaedah Lawatan

- Melalui kaedah ini, seseorang guru dapat memperlihatkan secara langsung kepada pelajar-pelajar tentang apa yang dipelajari. Kaedah ini biasanya dilakukan di luar dari kelas biasa.

9) Kaedah Pengulangan

- Pendekatan yang dilakukan melalui kaedah ini ialah dengan cara pembacaan dan mengingat kembali secara berulang-ulang.



10) Kaedah Tunjuk Cara atau Demonstrasi


- Kaedah ini ialah satu cara menyediakan bahan pelajaran dengan menyediakan secara langsung objeknya atau prosesnya atau cara melakukannya.

11) Kaedah Latih Tubi

- Kaedah yang biasa digunakan oleh seseorang pendidik dalam memastikan pelajarinya dapat memahami dan mengingat dengan baik terhadap sesuatu fakta.

12) Kaedah Bercerita

- Kaedah ini boleh menarik minat pelajar dan menghilangkan kebosanan semasa menghadapi pelajaran. Dalam Al-Quran, banyak cerita seperti kisah Rasul-Rasul dan para Anbia' telah dinyatakan dengan jelas seperti Surah al-Qasas.



13) Kaedah Penggunaan Isyarat

- Kaedah ini amat diperlukan dalam memberikan penjelasan lebih lanjut tentang sesuatu fakta terutama yang memerlukan kepada tanda, alamat atau isyarat bagi menjelaskannya.

14) Kaedah Penggunaan Lukisan

- Kaedah ini juga sama peranannya dengan penggunaan isyarat.

15) Kaedah Halaqat/Bulatan

- Kaedah ini merupakan kaedah tradisi dalam pengajaran. Biasanya dilakukan di serambi atau di dalam masjid atau tempat-tempat yang dikhususkan untuk aktiviti pengajaran.